

03 DEC 2001

RAFIDAH-ROSETTANET

GERAN SEHINGGA RM0.1 JUTA BAGI INISIATIF ROSETTANET

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Geran sehingga RM100,000 bagi sesebuah syarikat akan disediakan kepada syarikat-syarikat elektrik dan elektronik (E&E) untuk dihubungkan dengan RosettaNet, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Sejumlah RM5 juta telah disediakan bagi geran berkenaan untuk tahun 2002 tetapi peruntukan itu hanya untuk syarikat-syarikat yang mempunyai ekuiti pegangan 60 peratus oleh rakyat Malaysia, kata beliau pada taklimat bulanan media di sini hari ini.

Rafidah berkata geran berkenaan akan meliputi kos pembelian perisian, perkakasan, yuran sistem integrasi, yuran keahlian dan kemasukan ke dalam RosettaNet.

Bagi syarikat multi nasional dan syarikat besar yang membantu pembekal tempatan dan RosettaNet Malaysia Sdn Bhd, pengurangan cukai berganda akan diberikan.

RosettaNet Malaysia akan diperbadankan tahun ini dan akan berpejabat di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

Rafidah berkata RosettaNet Malaysia akan diuruskan oleh lembaga yang dipengerusikan kementeriannya dengan wakil daripada kedua-dua sektor awam dan swasta.

RosettaNet, ialah standard pemesejan biasa berasaskan Internet bagi pengurusan rangkaian bekalan global yang diuruskan di peringkat antarabangsa oleh RosettaGlobal, yang berpangkalan di California.

RosettaGlobal mempunyai lebih 400 anggota daripada peneraju sektor E&E dunia seperti INTEL, Motorola, DELL dan CISCO.

Satu perjanjian penggabungan antara RosettaNet Malaysia dan RosettaNet Global dijadualkan bulan depan (Jan 2002), bagi menandakan pelancaran rasmi RosettaNet Global.

Banyak negara di Amerika Utara, Eropah dan Asia telah menerima pakai standard RosettaNet itu.

Malaysia, yang menjadi semakin penting sebagai pusat bekalan bagi banyak komponen E&E, akan menjadi negara Asia kelima untuk menerima pakai RosettaNet selepas Jepun, Korea, Taiwan dan Singapura.

Inisiatif RosettaNet pertama kali dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pembentangan Belanjawan 2002.

Mengenai persidangan menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) keempat di Doha, Qatar bulan lepas, berkata Malaysia akan meminta penjelasan berhubung peruntukan tertentu dalam pakatan anti lambakan bagi menghalang pertimbangan yang mungkin membawa kepada penyalahgunaan.

"Mengenai subsidi, Malaysia akan meminta untuk mengukuhkan peruntukan pembangunan dalam perjanjian subsidi," tambah beliau.

Beliau juga berkata WTO meluluskan tambahan pelanjutan dua tahun (sehingga Disember 2003) yang diberikan kepada Malaysia untuk menghentikan polisi kandungan tempatan dalam sektor automotif.

Polisi berkenaan yang bermula dalam tahun 1990, sepatutnya kini telah membolehkan syarikat memperolehi kemahiran yang diperlukan untuk mengeluarkan komponen berkualiti bertaraf dunia yang dijual pada harga berpatutan.

"Sekiranya kita telah begitu baik, tiada sebab kenapa ada pihak mendapatkannya dari luar. Pengeluar kita kini perlu mengukuhkan reputasi mereka bagi kualiti, keyakinan bekalan, integriti produk dan harga," kata Rafidah.

Mengenai minat China untuk membida bagi projek hidro elektrik Bakun, beliau berkata satu syarikat usaha sama dari China telah dibentuk bagi projek akan memperolehi peluang yang sama dengan syarikat yang lain.

Malaysia sendiri telah melahirkan minat untuk membida bagi projek-projek Olimpik 2008 di China, katanya.

"Saya telah menyatakan hasrat Malaysia itu untuk menyertai dalam pembangunan infrastruktur, bagi menyediakan beberapa perkhidmatan dan peralatan dan kemudahan lain," katanya lagi. -- BERNAMA

MAD SEL NHD